



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 81/2024

### PERTANDINGAN AKHIR DEBAT RAKAN MUDA *DEBATING* *CHAMPIONSHIP SELANGOR STATE LEVEL 2024*

---

1. Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah berkenan mencemar duli berangkat ke Pertandingan Akhir Debat Rakan Muda *Debating Championship Selangor State Level 2024*.
2. Turut hadir, YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Puan Azura binti Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN).
3. Program Rakan Muda *Debating Championship Selangor State Level 2024* dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) sebagai platform untuk:
  - (i) **Mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis** dengan menganalisis maklumat, mengenal pasti isu utama dan memproses hujah secara logik;
  - (ii) **Meningkatkan kemahiran komunikasi** dengan menyampaikan hujah dengan jelas, melatih komunikasi berkesan dan membina keyakinan untuk bercakap di khalayak ramai;

- (iii) **Meningkatkan pengetahuan am** dengan mengupas pelbagai topik yang melibatkan isu-isu semasa yang penting dan mempunyai impak kepada rakyat dan negara secara amnya; dan
  - (iv) **Memupuk sifat kepimpinan** dengan berfikir secara cepat, bertanggungjawab terhadap keputusan dan teguh dengan pendirian.
4. Tema pertandingan “**Mengemudi Revolusi Digital dan Masa Depan Masyarakat**” menzahirkan hasrat memperkasa peranan belia dalam revolusi digital. Topik ini meliputi pengurangan jurang digital, memperkasa inovasi, penggunaan teknologi secara bijak dan penerapan teknologi secara positif dan inklusif. Hasrat ini sejajar dengan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM2030) dan Dasar Belia Malaysia (DBM).
  5. Pertandingan ini telah berlangsung secara hybrid di mana pusingan awal telah berlangsung secara dalam talian bermula 30 November 2024 hingga 1 Disember 2024, manakala peringkat separuh akhir dan akhir berlangsung secara fizikal hari ini. Sebanyak 18 buah sekolah menengah awam dan swasta di seluruh negeri Selangor telah mengambil bahagian dengan seramai 90 orang peserta. Senarai pemenang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  6. Selain pertandingan debat, program ini turut menyediakan aktiviti sampingan seperti pameran Rakan Muda dan persembahan kebudayaan. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan program ini, boleh hubungi **JBSN** ditalian **03-8871 3220** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
3 DISEMBER 2024**

**SENARAI PEMENANG**

- 1. JUARA**  
SMJK KHATOLIK PETALING JAYA
  
- 2. NAIB JOHAN**  
SRI KDU KOTA DAMANSARA
  
- 3. PEMBAHAS TERBAIK (PERTANDINGAN AKHIR)**  
AUDRIC KWAN (SMJK KHATOLIK PETALING JAYA)